



SOALAN - SOALAN LAZIM

PAKEJ DATA KHAS SPM/STPM 2021

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

1. Apakah Pakej Data Khas SPM/STPM 2021?

Pakej Data Khas SPM/STPM 2021 disediakan oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi, yang menawarkan Pelan Internet eksklusif 15GB kuota data dengan 30 hari tempoh sah, pada harga RM20, sehingga 30 April 2021.

2. Siapakah yang layak untuk mendaftar bagi pakej data khas ini?

Kelayakan adalah seperti berikut:

- Pelajar-pelajar atau calon-calon yang bakal menduduki peperiksaan SPM dan STPM pada 2021, yang lahir di antara tahun 2001 dan 2004, seperti yang ditentukan oleh penyedia perkhidmatan.
- Pakej ini kini telahpun diperluaskan kepada pelajar institusi pengajian tinggi yang berumur bawah 22 tahun, berikutan pengumuman Perdana Menteri di bawah pakej bantuan “Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia” (PERMAI) pada 18 Januari 2021.

3. Bilakah pakej data khas ini akan tersedia untuk pelajar – pelajar?

Pakej Data Khas SPM/STPM 2021 boleh dilanggan bermula 6 Januari sehingga 30 April 2021 daripada penyedia perkhidmatan mudah alih seperti Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile. Tawaran TM pula tersedia daripada 11 Januari 2021. Tawaran ini akan luput pada 30 April 2021.

Para pelajar boleh merujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut.

4. Bagaimanakah cara untuk pelajar-pelajar yang layak membeli pakej data khas ini?

Para pelajar boleh merujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat mengenai cara membeli Pelan Internet khas ini. Sila klik pada pautan yang berkaitan di bawah:



Penyedia Pkhidmatan	Laman Sesawang
Celcom	www.celcom.com.my/personal/prepaid/plans/internet-plans
Digi	www.digi.my/spm-stpm
Maxis	https://www.hotlink.com.my/en/support/internet/spm-stpm-2021-package
U Mobile	http://u.my/spmstpm
TM	www.unifi.com.my/personal/mobile/bebas

5. Bagaimanakah pakej data khas ini akan digunakan?

Berdasarkan proses-proses dan terma yang ditetapkan oleh setiap penyedia perkhidmatan, pelajar-pelajar boleh terus menggunakan kuota data untuk sebarang atau semua jenis perkhidmatan web atau aplikasi yang berkaitan Internet. Setiap pakej adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan. Pelajar-pelajar boleh merujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut.

6. Berapa banyak data yang akan dinikmati oleh pelajar dengan pakej data khas ini?

Di bawah Pakej Data Khas SPM/STPM 2021, pelajar-pelajar boleh menikmati 15GB kuota data dengan 30 hari tempoh sah. Pelajar-pelajar boleh merujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut.

7. Sekiranya seorang pelajar telah mempunyai kuota data tersedia dalam pelan prabayar, dan membeli pakej data khas ini, adakah ini dikira sebagai data tambahan?

Ya. Sekiranya seorang pelajar telah mempunyai kuota data tersedia dalam pelan prabayar, dan membeli **Pakej Data Khas SPM/STPM 2021**, pelajar tersebut akan mendapat 15GB kuota data tambahan. Untuk maklumat lanjut mengenai kuota data, pelajar-pelajar boleh merujuk kepada terma dan syarat oleh penyedia perkhidmatan masing-masing.

8. Kuota data manakah yang akan digunakan dahulu? Pakej Data Khas atau kuota data yang sedia ada?

Pelajar-pelajar boleh merujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut

9. Apakah akan terjadi kepada kuota data yang tidak digunakan selepas 30 April 2021?

Sekiranya anda melanggan pakej tersebut pada hari terakhir, i.e. 30 April 2021, anda boleh menggunakan kuota data tersebut dalam masa 30 hari tempoh sah, i.e. 30 Mei 2020. Selepas itu, pakej dan kuota data tersebut akan luput. Pelajar-pelajar boleh merujuk kepada terma dan syarat oleh penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lanjut.



10. Apakah pelajar yang telah mendaftar untuk Pakej Data Khas SPM/STPM boleh turut menikmati 1GB data internet percuma?

Ya. Seseorang pelajar boleh menikmati 1GB pelan data Internet percuma selain pakej yang dilanggan dan ini merangkumi Pakej Data Khas SPM/STPM 2021.

Soalan lazim ini telah dikemas kini pada 19 Januari 2021 and tertakluk kepada sebarang penambahbaikan dari semasa ke semasa. Sila rujuk penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat terkini.

Disediakan oleh:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

